

**SEJARAH SEKOLAH KEBANGSAAN SEGAMPUT,
DAN AL-BAGHDADI TRAINING CENTRE,
SETIAWANGSA, KUALA LUMPUR**

2.1 Pengenalan

Sebagai *muqaddimah* di dalam bab ini, penulis dengan sukacitanya ingin memperkenalkan sejarah latarbelakang lokasi kajian yang telah penulis pilih dan kenalpasti bagi memenuhi keperluan penulisan disertasi. Lokasi kajian yang telah dipilih adalah di Sekolah Kebangsaan Segambut, Kuala Lumpur (SKSKL) iaitu bagi teknik *Iqra'* manakala di Al-Baghdadi Training Centre Setiawangsa, Kuala Lumpur (ATCKL) adalah untuk teknik *Al-Baghdadi*. Justeru, keterangan lanjut bagi kedua-dua lokasi kajian akan penulis huraikan secara terperinci seperti di bawah.

2.2 Latar belakang SKSKL

SKSKL merupakan sekolah yang menjadi pilihan penulis untuk menjalankan kajian bagi teknik *Iqra'*. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan beberapa faktor. Di antaranya adalah:

- i. Sebuah sekolah bantuan penuh kerajaan yang telah lama ditubuhkan dan beroperasi sekitar 99 tahun (sehingga 2012).
- ii. Kedudukan yang strategik yang juga dikelilingi oleh penempatan perumahan, kawasan perindustrian dan masjid.
- iii. Pentadbiran dan pengurusan yang mantap dari segi akademik dan kokurikulum.
- iv. Memenuhi kehendak kajian penulis iaitu terhadap teknik *Iqra'*.

2.2.1 Sejarah penubuhan SKSKL¹⁴⁹

SKSKL telah ditubuhkan pada tahun 1913. Sekolah ini telah berusia 99 tahun (maklumat sehingga tahun 2012) dan bercadang menyambut ulangtahun jubli emasnya bersempena 100 tahun penubuhan pada cadangan tarikh 23 Mac 2013. Sekolah ini pada asalnya hanya terdapat sebuah bangunan kayu dan kini ianya telah dinaik taraf sejajar kemajuan Negara dan digantikan dengan 3 buah blok bangunan empat tingkat sebagai tempat pendidikan murid termasuk Pra Sekolah, sebuah surau, sebuah kantin, padang sekolah, gelanggang badminton dan gelanggang takraw.

2.2.1 (a) Organisasi pentadbiran Guru Besar di SKSKL¹⁵⁰

Sungguhpun sekolah ini bakal berusia 100 tahun pada 2013, namun, jasa bakti pimpinan Guru-guru Besar yang pernah dan sedang mentadbir sekolah ini perlu dihargai. Seramai 18 orang Guru Besar pernah dilantik untuk menerajui SKSKL bermula dari penubuhannya pada tahun 1913 sehingga sekarang. Berikut merupakan senarai nama Guru Besar di SKSKL:

Jadual 2.1: Senarai Nama Guru Besar SKSKL

BIL.	NAMA	TEMPOH BERTUGAS
1.	Tn. Hj. Md. Saidin bin Hj. Md Rasul	1913 hingga 1925
2.	En. Karim bin Sahar	1925 hingga 1930
3.	En. Mat bin Abu	1930 hingga 1935
4.	En. Hasan bin Daya	1935 hingga 1941
5.	En. Abu Hamid bin Taha	1941 hingga 1946
6.	En. Said bin Yaakob	1946 hingga 1947
7.	En. Samad bin Kahar	1947 hingga 1950
8.	En. Abu Samah bin Muhamad	1950 hingga 1954
9.	En. Umar bin Buyung	1954 hingga 1969
10.	En. Masuyar bin Jamarin	1969 hingga 1979
11.	Pn. Rohana binti Buyung	1979 hingga 1985

¹⁴⁹ Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan, (Guru Penolong Kanan Tadbir dan Kurikulum, SKSKL), dalam temubual dengan penulis, 3 Oktober 2012. SKSKL, dicapai 8 Oktober 2012, <http://sksegambutkl.blogspot.com>

¹⁵⁰ Temubual bersama Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan.

12.	En. Abdullah bin Jaman	1986 hingga 1993
13.	En. Salleh bin Hj. Katib	01.05.1993 hingga 21.12.1993
14.	Tn. Hj. Mohamad bin Minhaj	01.04.1994 hingga 25.07.1996
15.	En. Harrun bin Hj. Ali	16.12.1996 hingga 31.03.2001
16.	Pn. Siti Aishah binti Mohd Noor	01.04.2001 hingga 18.07.2003
17.	Cik Hjh. Ruhana binti Abdul Majed	22.12.2003 hingga 15.03.2007
18.	En. Ahmad Suhaimi Bin Hussin	16.03.2007 sehingga sekarang (2012)

Sumber: *Unit Tadbiran SKSKL*

2.2.1 (b) Lokasi SKSKL

Sekolah ini dahulunya dikelilingi oleh ladang getah dan tanah lombong, tetapi kini telah berubah kepada penempatan perumahan dan kawasan perindustrian kecil serta sederhana.¹⁵¹

Lokasi sekolah ini amat strategik kerana berdekatan dengan Pusat Bandar Kuala Lumpur, Pusat Bandar Damansara, Selayang, Gombak, Batu Caves dan Rawang iaitu terletak hanya 6.1km ke Pusat Bandaraya, Kuala Lumpur melalui Jalan Kuching, 4.6km ke Pusat Bandar Damansara, 12.5km ke Selayang, 27.1km ke Bandar Rawang, Selangor, 7.7km ke Batu Caves, Selangor melalui Jalan Ipoh, 16.7km ke Gombak, Selangor juga melalui Jalan Ipoh.¹⁵²

2.2.1 (c) Perkembangan SKSKL hingga kini

En. Ahmad Suhaimi Bin Hussin adalah Guru Besar, SKSKL yang telah mula berkhidmat pada 16 Mac 2017 sehingga sekarang.¹⁵³ Pada tahun 2012, sekolah ini mempunyai 44 orang guru dan 6 orang staf sokongan yang mana jumlah keseluruhan adalah seramai 50 orang.

¹⁵¹ *Ibid.*

¹⁵² Google Maps, dicapai 5 Oktober 2012, <https://maps.google.com/>.

¹⁵³ En. Ahmad Suhaimi Bin Hussin, (Guru Besar SKSKL), dalam temubual dengan penulis, 15 November 2012.

Bilangan keseluruhan murid di sekolah ini pada tahun yang sama adalah seramai 567 orang. Sekolah ini hanya menawarkan sesi persekolahan satu sesi sahaja iaitu di sebelah pagi.¹⁵⁴

2.2.1 (d) Pentadbiran SKSKL¹⁵⁵

Guru Besar SKSKL adalah Encik Ahmad Suhaimi Bin Hussin, dibantu oleh Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum iaitu En. Mad Yusof bin Mammu, Guru Penolong Kanan Tadbir dan Kurikulum iaitu Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid iaitu En. Khairul Annuar bin Mohd. Noor, guru-guru serta staf sokongan.

2.2.1 (e) Komuniti SKSKL¹⁵⁶

SKSKL mempunyai hubungan yang erat bersama komuniti setempat. Terdapat beberapa program yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan mendapat kerjasama yang baik daripada komuniti setempat. Umpamanya bagi Program Pemuafakatan Komuniti Segambut Luar yang telah diadakan pada 3 Mac 2012 telah melibatkan Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Persatuan Komuniti 1Malaysia Taman Sejahtera, Masjid Al-Firdaus, Persatuan Penduduk Segambut Luar, Jabatan Penerangan, Jabatan Kesihatan Sentul, Koperasi Pengguna, RELA, Rakan COP, Alumni SK Segambut dan DBKL.

Sekolah ini juga turut menerima kunjungan daripada Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Flat Taman Sejahtera Segambut bagi program komuniti bersama sekolah pada 7 Julai 2012. Turut hadir bersama ialah pihak RTM untuk membuat rakaman aktiviti serta rakaman persembahan Pasukan Kompang SKSKL yang merupakan juara peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 3 tahun berturut-turut di bawah bimbingan Cikgu Zulhairi.

¹⁵⁴ Temubual bersama Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan.

¹⁵⁵ Carta Organisasi Pentadbiran di SKSKL.

¹⁵⁶ Temubual bersama Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan.

2.2.2 Falsafah, Visi dan Misi SKSKL¹⁵⁷

Falsafah, Visi dan Misi SKSKL adalah seperti berikut:

2.2.2 (a) FALSAFAH SEKOLAH

Memberikan pendidikan yang berterusan dan menyeluruh di samping menerapkan nilai-nilai murni di kalangan murid-murid bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal. Usaha memupuk ilmu dan nilai-nilai mulia ini adalah bertujuan ke arah membentuk seseorang yang bertanggungjawab kepada agama, diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan Negara.

2.2.2 (b) VISI SEKOLAH

Mewujudkan sebuah sekolah yang berkualiti bagi melahirkan insan yang berilmu dan berkeperibadian mulia ke arah kecemerlangan hidup menjelang tahun 2015.

2.2.2 (c) MISI SEKOLAH

- Melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan ke arah kehidupan yang sejahtera.
- Melahirkan insan yang berdaya-tahan tinggi dan berdaya-saing yang utuh dalam menghadapi cabaran hidup.
- Menanam semangat jati diri dan bersungguh-sungguh dalam mencapai kecemerlangan akademik, sahsiah dan ko-kurikulum.
- Mewujudkan suasana keharmonian dan sifat-sifat kepenyayangan.
- Menanamkan rasa kesedaran tentang pendidikan sepanjang hayat.

¹⁵⁷ *Ibid.* Laman sesawang SKSKL, dicapai 8 Oktober 2012, <http://sksegambutkl.blogspot.com>.

2.2.3 Kemudahan Prasarana SKSKL¹⁵⁸

2.2.3 (a) Bilik Darjah

Sekolah ini mempunyai sebanyak 18 buah bilik darjah. Setiap tahun pengajian mempunyai 3 bilik darjah seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 2.2: Bilangan Bilik Darjah Berdasarkan Bilangan Murid SKSKL 2012

TAHUN	BIL. BILIK DARJAH	BIL. MURID
1	3	92
2	3	87
3	3	89
4	3	70
5	3	111
6	3	97
JUMLAH	18	567

Sumber: *Unit Tadbiran SKSKL*

2.2.3 (b) Perpustakaan

Sekolah ini mempunyai sebuah perpustakaan yang terletak di blok A bangunan bagi kemudahan murid-murid membuat rujukan dan menambah pengetahuan. Perpustakaan ini kini ditadbir dan diselia di bawah pimpinan Pn. Hasnah binti Ramli.¹⁵⁹

2.2.3 (c) Makmal Komputer

Sebanyak 2 unit makmal komputer disediakan di sekolah ini bagi kemudahan murid-murid yang terletak di bangunan blok A. Pengurusan makmal komputer ini dipertanggungjawabkan di bawah seliaan Pn. Low Hoon Ee dan dibantu oleh Pembantu Juruteknik Pn. Norkamaliah.¹⁶⁰

¹⁵⁸ Temubual bersama Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan.

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ *Ibid.*

2.2.3 (d) Surau

Sebuah surau telah dibina bagi kemudahan pelajar Muslim melakukan amali solat serta menunaikan solat. Surau ini terletak berdekatan dengan pintu masuk utama SKSKL.¹⁶¹

2.2.3 (e) Kantin Sekolah

Sebuah kantin disediakan di blok C bangunan sekolah. Sekolah ini menetapkan dua sesi waktu rehat dan minum pagi bagi murid-murid di mana sesi pertama untuk pelajar tahap satu (darjah 1, 2 dan 3), waktu rehat mereka adalah pada pukul 10.00-10.20 pagi manakala bagi sesi kedua iaitu pelajar tahap dua (darjah 4, 5 dan 6), waktu rehat mereka adalah pada pukul 10.20-10.40 pagi.¹⁶²

2.2.3 (f) Pra Sekolah

Sekolah ini turut menyediakan pendidikan Pra Sekolah untuk anak-anak komuniti setempat dan ianya ditempatkan di bangunan blok A. Pra Sekolah di SKSKL ini menyediakan tempat serta membuat pengambilan hanya kepada seramai 25 orang murid setiap tahun. Pada tahun 2012, Pra Sekolah SKSKL mempunyai seramai 24 orang murid serta ditadbir oleh seorang guru iaitu Pn. Zeelda Raha binti Hussin serta dibantu oleh seorang Pembantu Pengurusan Murid.¹⁶³

2.2.3 (g) Lain-lain Kemudahan

Turut disediakan di sekolah ini adalah Bilik Kemahiran Hidup, Bilik Muzik, Bilik Matematik, Makmal Sains 1 dan 2, Bilik Pemulihan, Bilik Kegiatan Agama, Bilik Bahasa Melayu, Kelas Pendidikan Moral, Bilik BPBT, Bilik Sakit dan sebuah

¹⁶¹ *Ibid.*

¹⁶² *Ibid.*

¹⁶³ *Ibid.*

dewan yang dinamakan Dewan Datuk Kamarudin Ambuk.¹⁶⁴ Tidak ketinggalan, sekolah ini turut membangunkan sebuah laman web yang senantiasa dikemaskini bagi kemudahan pengunjung memperoleh maklumat berkaitan sekolah SKSKL dan ianya boleh dilayari di alamat <http://sksegambutkl.blogspot.com>. Sehingga kini, laman web SKSKL telah mendapat kunjungan orang ramai melebihi 9000 pengunjung.¹⁶⁵

2.2.4 Kurikulum SKSKL

Unit Tadbiran dan Kurikulum di SKSKL dipertanggungjawabkan di bawah seliaan Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan (Guru Penolong Kanan Tadbir dan Kurikulum) manakala Guru Besar selaku Pengerusi. Unit ini dibahagikan kepada dua lagi sub unit iaitu Unit Kurikulum dan Unit Pentadbiran. Di bawah Unit Kurikulum, dipecahkan lagi kepada dua unit kecil iaitu Unit Penilaian dan Peperiksaan dan Unit Pusat Sumber Sekolah. Unit Penilaian dan Peperiksaan mempunyai seorang Setiausaha serta dibantu oleh Ketua-ketua Panitia yang dilantik bagi mata pelajaran tertentu iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sivik, Kajian Tempatan, Kemahiran Hidup, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani, Bahasa Arab dan Pendidikan Muzik dan j-QAF. Manakala bagi Unit Pusat Sumber Sekolah pula akan menyelia Perpustakaan dan Pusat Akses/Media di bawah pimpinan dua orang guru yang telah dilantik.¹⁶⁶

Unit Pentadbiran pula akan mentadbir beberapa unit kecil lain di bawah pimpinan guru-guru tertentu dan unit-unit kecil tersebut adalah EMIS, PPSMI/MBMMBI, ICT Bestari/SSQS, Pra Sekolah, NKRA/PIPP, PROTIM/Pemulihan, LINUS, SKPM, PBS,

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ Laman sesawang SK Segambut, KL, <http://sksegambutkl.blogspot.com>, *op.cit.*

¹⁶⁶ Temubual bersama Pn. Siti Fatimah binti Lebai Hasan. Carta Organisasi Unit Tadbiran dan Kurikulum SKSKL.

Bimbingan dan Praktikum, Jadual Waktu, Perkembangan Staf, Kewangan, Sumber Manusia, dan Buddy Support. Unit Tadbiran dan Kurikulum SKSKL turut mempunyai objektif, misi dan visinya yang tersendiri seperti berikut:

2.2.4 (a) Objektif Unit Tadbiran dan Kurikulum

- Mengoptimalkan kepakaran sumber manusia ke arah pengurusan organisasi yang terbaik.
- Memperkasakan sekolah selaras dengan hasrat misi dan visi.
- Merapatkan jurang sosial yang wujud di antara warga sekolah dengan ibu bapa.
- Menanamkan sikap akauntabiliti dalam melaksanakan tanggungjawab.
- Membetuk insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani ke arah kesejahteraan hidup.¹⁶⁷

2.2.4 (b) Misi Kurikulum

Mewujudkan jaringan pendidikan yang berkesan, bertanggungjawab dan bersahsiah untuk mewujudkan modal insan yang berpotensi tinggi bagi mencapai hasrat NKRA (Bidang ke-3).¹⁶⁸

2.2.4 (c) Visi Kurikulum

Mengesan, membangunkan dan memurnikan potensi akademik setiap pelajar menjelang 2012.¹⁶⁹

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ *Ibid.*

2.2.5 Kegiatan Ko-Kurikulum SKSKL

Bagi unit Ko-Kurikulum pula, ianya dipertanggungjawabkan di bawah seliaan En. Mad Yusof bin Mammu (Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum) dan Guru Besar adalah Pengerusi. Unit ini mempunyai Setiausaha Kokurikulum dan Sukan, Penolong Setiausaha Kokurikulum dan Sukan, Bendahari, Setiausaha Sukan, Penolong Setiausaha Sukan, Penyelaras Permainan/Sukan, Penyelaras Kelab dan Persatuan serta Penyelaras Unit Beruniform. Seramai empat orang guru dilantik sebagai Ketua Rumah Sukan di bawah Penyelaras Permainan/Sukan bagi rumah biru, kuning, hijau dan merah.¹⁷⁰

2.2.5 (a) Visi Unit Kokurikulum

Mewujudkan sekolah yang berkualiti, cemerlang dan berketrampilan di dalam semua aspek kokurikulum di dalam dan di luar sekolah.

2.2.5 (b) Misi Unit Kokurikulum

Melahirkan modal insan yang bersemangat waja, berjati diri, berkeyakinan, berdaya-saing serta mengamalkan semangat perpaduan, bekerjasama untuk mencapai kecemerlangan di sepanjang hayat.

2.2.5 (c) Matlamat Unit Kokurikulum

Melahirkan modal insan yang berjiwa cemerlang, gemilang dan terbilang di dalam masyarakat.

2.2.5 (d) Objektif Unit Kokurikulum

Melahirkan modal insan yang dapat merealisasikan cita-cita Negara berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta mencapai hasrat Negara maju dengan:

¹⁷⁰ *Ibid.*

- Memupuk semangat cintakan agama, negara dan bangsa
- Melahirkan modal insan yang cemerlang dari segi rohani, jasmani dan emosi
- Meningkatkan sahsiah ke tahap yang maksimum
- Dapat mengimplementasikan masa dengan berfaedah
- Memupuk semangat patriotisme
- Melahirkan modal insan yang berkemampuan tinggi

Sekolah ini juga aktif dalam bidang kokurikulum di mana pernah merangkul tempat Suku Akhir, Peringkat Zon Sentul melalui Pasukan Bola Sepak SKSKL pada 2012. Tidak ketinggalan pernah menduduki tempat keempat Zon Sentul melalui pasukan Pemain Hoki Sekolah 2012 serta pernah menjuarai Pertandingan Kompang Wilayah Kuala Lumpur pada tahun 2011.

2.2.6 Pelaksanaan Sukatan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Modul al-Quran di SKSKL

SKSKL telah melaksanakan Program j-QAF¹⁷¹ dengan jayanya semenjak diperkenalkan pada tahun 2005 sehingga tahun 2010. Pelaksanaan program ini adalah berpandukan kepada ‘Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kokurikulum j-QAF’ yang disediakan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Model 6 Bulan Khatam al-Quran¹⁷² turut dilaksanakan yang mana ianya merupakan program yang menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran pada enam

¹⁷¹ Program j-QAF adalah singkatan kepada Jawi, Quran, Arab dan Farḍu ‘Ain.

¹⁷² Tempoh pelaksanaan bagi program ini adalah di mana murid Tahun Satu akan mengikuti aktiviti Model 6 Bulan Khatam al-Quran selama 6 bulan pertama setiap tahun (Januari hingga Jun) manakala bagi 6 bulan berikutnya, mereka akan mengikuti kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan pelajaran sedia ada. Pengajaran dan pembelajaran di Tahun Satu berfokus kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran selama 6 bulan (18 minggu Pengajaran dan Pembelajaran) mulai Januari hingga Jun dengan peruntukan masa

bulan pertama murid Tahun Satu. Objektif program ini adalah supaya murid dapat menguasai kemahiran bacaan al-Quran dengan kaedah *Iqra'*, dapat membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid serta dapat menghabiskan bacaan al-Quran sebanyak 30 *juzuk*.

Namun, pelaksanaan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya terhadap model al-Quran masih diteruskan sekalipun telah mengalami penambahbaikan ke arah Transformasi Kurikulum Kebangsaan¹⁷³ bertitik tolak daripada keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008 yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pelajaran pada 23 Mei 2008.

Lanjutan daripada itu, konsep kurikulum persekolahan rendah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.3/2009 pada 2 Oktober 2009. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membangunkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR¹⁷⁴) berasaskan prinsip-prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Fokus kurikulum standard Pendidikan Islam sekolah rendah¹⁷⁵ di bawah KSSR adalah memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran, hadis, pemantapan asas-

empat kali seminggu. Dua waktu selebihnya digunakan untuk Pemulihan Jawi. Lihat Panduan Pelaksanaan Model 6 Bulan Khatam al-Quran Tahun 1, dicapai 10 Oktober 2012, <http://ebookbrowse.com/05-panduan-pelaksanaan-model-6-bulan-khatam-al-quran-tahun-pdf-d9944505982>.

¹⁷³ Transformasi kurikulum sekolah rendah merupakan penyusunan semula dan penambahbaikan kurikulum persekolahan rendah sedia ada. Tujuan transformasi adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Fokus transformasi kurikulum persekolahan rendah adalah kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), sebaliknya mengambil kira kemahiran penaakulan, kreativiti dan inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta elemen keusahawanan. Laman web rasmi Bahagian Pembangunan Kurikulum (bpk) Kementerian Pelajaran Malaysia, dicapai 7 November 2012, <http://www.moe.gov.my/bpk/v2/index.php>.

¹⁷⁴ KSSR mengambil kira cabaran abad ke-21, Model Baru Ekonomi (MBE) dan teori pembelajaran terkini. KSSR juga menggunakan empat tonggak pendidikan UNESCO, iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*). Kurikulum yang dibangunkan turut melibatkan kurikulum Pendidikan Khas. Bagi memastikan kurikulum tersebut mantap, pelaksanaan rintis telah dilakukan di sekolah rendah terpilih di seluruh negara. Manakala murid yang mengikuti KSSR akan mempunyai asas-asas seperti seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial, warganegara yang bertanggungjawab dan boleh berperanan di arena global (*Global Player*) serta pekerja berilmu. *Ibid.*

¹⁷⁵ Kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah dibangunkan dengan memberi penekanan pada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Lihat

asas akidah, ibadah, akhlak dan sirah Rasulullah s.a.w. serta kemahiran jawi. Matlamatnya adalah supaya di akhir pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah, murid akan mampu memahami, mengamal dan menghayati tuntutan *farḍu 'ain* dan *farḍu kifāyah* dalam kehidupan harian. Standard kandungan Pendidikan Islam Sekolah Rendah dibahagikan kepada enam modul iaitu Modul al-Quran¹⁷⁶, Modul Hadis¹⁷⁷, Modul Akidah¹⁷⁸, Modul Ibadah¹⁷⁹, Modul Sirah¹⁸⁰, Modul Adab¹⁸¹ dan Modul Jawi¹⁸².

KSSR telahpun mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan tahun ini (2012) merupakan tahun kedua pelaksanaannya di semua sekolah seluruh Malaysia termasuk SKSKL. Bagi Modul al-Quran Tahun Satu, pelaksanaannya adalah selama 90 minit seminggu selama 38 minggu dan berpandukan kepada Rancangan Tahunan Pendidikan Islam serta masih lagi mengekalkan buku *Iqra'* sebagai rujukan utamanya. Butiran pelaksanaannya selama 38 minggu adalah seperti di dalam jadual 2.3 di bawah.

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah Modul Teras Asas Pendidikan Islam* (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010), 7.

¹⁷⁶ Modul ini memberikan tumpuan kepada membaca al-Quran dengan betul, fasih dan bertajwid, menghafaz dan memahami surah al-Fātihah dan surah tertentu daripada *juzu' Amma* serta menghayati pengajarannya. *Ibid.*

¹⁷⁷ Modul ini memberikan tumpuan kepada memahami maksud hadis secara umum serta menghayati pengajarannya. *Ibid.*

¹⁷⁸ Modul ini memberikan tumpuan kepada pembentukan akidah, sikap dan tanggungjawab terhadap Allah S.W.T, pemahaman akidah yang sahih dan mengaplikasikan tuntutan akidah dalam kehidupan harian. *Ibid.*

¹⁷⁹ Modul ini memberikan tumpuan kepada memahami dan menghayati cara beribadah yang ditentukan oleh Allah S.W.T. dan melaksanakannya dalam kehidupan harian. *Ibid.*

¹⁸⁰ Modul ini memberikan tumpuan kepada memahami sirah Rasulullah s.a.w dan mengambil iktibar daripadanya serta mengaplikasikan dalam kehidupan harian. *Ibid.*

¹⁸¹ Modul ini memberikan tumpuan kepada menghayati tatacara perhubungan manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam sekitar. *Ibid.*

¹⁸² Modul ini memberikan tumpuan kepada kemahiran membaca dan menulis jawi serta mempelajari asas seni khat. *Ibid.*

Jadual 2.3 Agihan Waktu Pendidikan Islam Transformasi Tahun Satu Modul al-Quran

Ming-gu	Al-Quran	Ming-gu	Al-Quran	Ming-gu	Al-Quran
1	Iqra' 1 m/s 1-6	14	Iqra' 5 m/s 1-5	27	Al-Fatihah ayat 1-4
2	Iqra' 1 m/s 7-12	15	Iqra' 5 m/s 6-8	28	Al-Fatihah ayat 5-7
3	Iqra' 1 m/s 13-19	16	Iqra' 5 m/s 10-11	29	Al-Fatihah ayat 1-7
4	Iqra' 1 m/s 20-30	17	Iqra' 5 m/s 12-19	30	An-Nas 1-3
5	Iqra' 2 m/s 1-13	18	Iqra' 5 m/s 20-23	31	An-Nas 1-6
6	Iqra' 2 m/s 14-30	19	Iqra' 5 m/s 24-26	32	Al-Falaq 1-3
7	Iqra' 3 m/s 1-13	20	Iqra' 5 m/s 27-30	33	Al-Falaq 1-5
8	Iqra' 3 m/s 14-30	21	Iqra' 6 m/s 1-6	34	Al-Ikhlās 1-2
9	Iqra' 4 m/s 1-6	22	Iqra' 6 m/s 7-10	35	Al-Ikhlās 1-4
10	Iqra' 4 m/s 7-10	23	Iqra' 6 m/s 11-18	36	Surah Al-Fatihah dan An-Nas
11	Iqra' 4 m/s 7-10	24	Iqra' 6 m/s 19-20		
12	Iqra' 4 m/s 11-17	25	Iqra' 6 m/s 21-26	37	Surah Al-Falaq
13	Iqra' 4 m/s 18-30	26	Iqra' 6 m/s 27	38	Surah Al-Ikhlās

Sumber: Adaptasi dari Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Modul al-Quran sepanjang 38 minggu dijalankan secara *talaqqī mushāfahah*, latihan tubi dan *tasmi'*. Bahan bantu mengajar yang telah ditentukan pula adalah al-Quran, kad imbasan, buku *Iqra'* dan carta. Bagi merealisasikan Modul Al-Quran mengikut Standard KSSR di SKSKL, seorang penyelarar j-QAF dilantik serta dipertanggungjawabkan di bawah pimpinan En. Mohd. Zaidee Arippin. Seramai enam orang guru j-QAF telah terlibat mengajar keenam-enam modul yang ditetapkan kepada semua pelajar di tahap satu dan tahap dua.

Menurut penyelarar j-QAF¹⁸³, sekalipun pelaksanaan kelas *tasmik* Modul Al-Quran diperuntukkan di luar jadual waktu persekolahan, namun SKSKL telah melaksanakan kelas *tasmi'* Modul Al-Quran tersebut di dalam jadual waktu Pendidikan Islam. Ini kerana setelah pihak sekolah mengambilkira beberapa faktor yang menyumbang kepada ketidaksesuaian melaksanakannya di luar jadual waktu persekolahan. Menurutny lagi, sekiranya kelas

¹⁸³ En. Mohd. Zaidee Arippin, (Penyelaras j-QAF SKSKL), dalam temubual dengan penulis, 9 November 2012.

tasmik Modul Al-Quran dilaksanakan di luar waktu kelas, komitmen murid-murid amat kurang kerana mereka akan bergegas pulang disebabkan bas yang menjadi kenderaan utama kebanyakan pelajar tidak akan menunggu mereka. Terdapat pula murid-murid yang akan mengikuti pengajian di sekolah rendah agama di sebelah petang. Walaubagaimanapun, sekalipun berdepan dengan perubahan waktu mengajar kelas *tasmik* Modul Al-Quran ini, kesemua guru begitu dedikasi, komited serta berjaya menyelesaikannya sekaligus melengkapkan kesemua sukatan yang ditetapkan.

2.2.7 Pencapaian Pelajar SKSKL bagi Modul Al-Quran KSSR 2012

Berikut merupakan pencapaian pelajar SKSKL bagi mata pelajaran al-Quran tahun 2012 berdasarkan jadual 2.4 di bawah:

Jadual 2.4: Pencapaian Program j-QAF 2012 Mata Pelajaran al-Quran (Boleh Membaca)

Tahun	Jumlah Murid	Bilangan Menguasai	Peratus
1	91	2	2.20
2	87	38	43.68
3	89	65	73.03
4	70	45	64.29
5	111	55	49.55
6	97	88	90.72

Sumber: *Laporan Pencapaian Sekolah-sekolah Program j-QAF KPM Tahun 2012*

Merujuk kepada jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa peratusan yang tinggi dalam kalangan pelajar SKSKL yang boleh membaca al-Quran adalah murid Tahun Enam (90.72%) diikuti murid Tahun Tiga (73.03%), murid Tahun Empat (64.29%), murid Tahun Lima (49.55%) dan murid Tahun Dua (43.68%). Manakala peratusan terendah pelajar yang boleh membaca al-Quran adalah dalam kalangan murid Tahun Satu (2.20%). Ini bermakna

seramai 89 orang murid Tahun Satu daripada 91 orang pelajar masih belum boleh membaca al-Quran dan kesemua mereka masih lagi di dalam proses pembelajaran asas al-Quran berpandukan buku *Iqra'*.

2.3 Latarbelakang Al-Baghdadi Training Centre Setiawangsa, KL (ATCKL)

Al-Baghdadi Training Centre Setiawangsa, KL (ATCKL) merupakan sebuah pusat pengajian al-Quran yang menawarkan pembelajaran al-Quran menerusi teknik *Al-Baghdadi* dan ianya telah menjadi pilihan penulis untuk menjalankan kajian bagi teknik *Al-Baghdadi*.

Pemilihan premis ini adalah berdasarkan beberapa faktor. Di antaranya adalah:

- i. Sebuah pusat pengajian al-Quran teknik *Al-Baghdadi* yang terawal ditubuhkan di Malaysia dan sekitar Kuala Lumpur.
- ii. Mempunyai tenaga pengajar yang mahir dan berkelayakan di bidang al-Quran.
- iii. Mempunyai bilangan pelajar melebihi 800 orang semenjak ditubuhkan.
- iv. Kedudukan premis yang strategik di Setiawangsa, KL.

2.3.1 Sejarah Penubuhan ATCKL¹⁸⁴

Al-Baghdadi Training Centre Kuala Lumpur (ATCKL) ini merupakan Al-Baghdadi Training Centre yang mewakili Wilayah Kuala Lumpur dan bernaung di bawah Ibu Pejabat Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd yang beroperasi di Batu Caves, Selangor. ATCKL ini telahpun mempunyai sebanyak 31 cawangan Al-Baghdadi Learning Centre (ALC) sekitar Kuala Lumpur setakat ini.

¹⁸⁴ Ustaz Syahrul Nizam bin Talib @ Ustaz Abdullah (Pegawai ATCKL), dalam temubual dengan penulis, 6 November 2012.

Menyoroti sejarah bagaimana terlahirnya ATCKL ini, Ustaz Abdullah yang sebelum ini bertugas sebagai Imam Ratib di Masjid al-Khairiah AU3, Taman Keramat, Kuala Lumpur pada mulanya mendengar perihal teknik *Al-Baghdadi* menerusi siaran radio yang ketika itu sedang bersiaran langsung ke udara di radio IKIM dan disampaikan sendiri oleh pengasas teknik *Al-Baghdadi* iaitu Ustaz Jalaluddin. Beliau kemudiannya menghubungi Ustaz Jalaluddin bagi mendapatkan gambaran awal berkenaan teknik tersebut dan ianya berakhir begitu sahaja.

Pada suatu hari, ketika mana Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd membuka *booth* di Karnival IKIM, Ustaz Abdullah sekali lagi telah bertemu dengan pengasas Ustaz Jalaluddin dan di situlah beliau diterangkan secara terperinci mengenai teknik *Al-Baghdadi* selama satu jam. Mendapati teknik ini menggunakan pendekatan yang menarik dan menyeronokkan, beliau yang juga seorang guru al-Quran telah menukar teknik belajar al-Quran yang telah digunakan sebelum ini kepada teknik *Al-Baghdadi*.

Transformasi yang dilakukan oleh beliau akhirnya mendapat respon yang positif dari para pelajarnya. Menurut beliau, ketika menggunakan teknik yang diajarkan sebelum ini, prestasi kehadiran pelajarnya semakin hari semakin merosot dan disebabkan hal itu membuatkan beliau bertindak menukar teknik yang diajarkan sebelumnya kepada teknik yang digunakan sekarang. Akhirnya, transformasi yang dilakukan membuahkan hasil bila mana bilangan pelajarnya semakin hari semakin meningkat dan lebih membanggakan, pelajarnya akan hadir untuk mengikuti kelas pengajian al-Quran di rumahnya lebih awal dari waktu pengajian al-Quran yang sepatutnya bermula.

Rentetan dari perkembangan positif ini, Ustaz Jalaluddin menawarkan beliau untuk menjadi wakil negeri Al-Baghdadi Training Centre di Kuala Lumpur dan tawaran itu telah diterima. Ustaz Jalaluddin sendiri kemudiannya telah memilih lokasi untuk menubuhkan

ATCKL di bawah pimpinan Ustaz Abdullah di alamat No. 11-2, Jalan Setiawangsa 9, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur.

ATCKL akhirnya ditubuhkan secara rasmi pada November 2011 dan telah membuat pengambilan sulung pelajarinya pada Januari 2012. Lebih memeranjatkan beliau ialah jumlah penyertaan pelajar bagi pengambilan sulungnya di ATCKL adalah seramai 98 orang pelajar. Premis ini terus beroperasi sehingga kini dan turut menyediakan pelbagai perkhidmatan pendidikan pengajian al-Quran untuk warga setempat tidak kira kepada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

2.3.1 (a) Latar belakang Pengasas¹⁸⁵

Ustaz Syahrul Nizam bin Talib atau lebih dikenali dengan nama panggilan Ustaz Abdullah dilahirkan pada 27 Julai 1978 dan kini menetap di Mahsuri Apartment, Jalan Setiawangsa 13, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur. Pernah mendapat pendidikan antaranya di Sekolah Menengah Wangsa Maju Seksyen 2, Kuala Lumpur (1990-1993), Sekolah Menengah Agama (ARAB) al-Masriyah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang (1994-1995), pendidikan pondok di Pasir Tumbuh, Kelantan (1996-200), Maahad Tahfiz MAIK, Kota Bharu, Kelantan (Jun 2000-Jun 2003) juga memperoleh Sijil Pengajian Islam dari Darul Mustofa, Hadramaut, Yaman (Julai 2003-Disember 2007).

Berpengalaman sebagai Imam Ratib di Masjid al-Khairiah AU3, Taman Keramat, Kuala Lumpur bermula tahun 2007 hingga sekarang. Beliau juga pernah menjadi guru KAFA JAIS merangkap fasilitator Tahsin al-Quran Daerah Gombak bermula tahun 2007 sehigga Mac 2012. Kini, beliau merupakan Perunding merangkap

¹⁸⁵ *Ibid.*

Pengarah Al-Baghdadi Training Centre Kuala Lumpur (ATCKL). Beliau turut berpengalaman mengendalikan pelbagai kursus dan latihan yang berkaitan dengan teknik *Al-Baghdadi* di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta seperti Kelas Al-Baghdadi Asas di Kementerian Pertahanan Malaysia dan lain-lain. Turut terlibat secara aktif dalam usaha memperkenalkan teknik *Al-Baghdadi* kepada masyarakat seterusnya mengangkat martabat keagungan dan kemuliaan al-Quran di mata masyarakat.

2.3.1 (b) Lokasi ATCKL

ATCKL terletak di bangunan rumah kedai di Jalan Setiawangsa 9 dan beroperasi di alamat No. 11-2, Jalan Setiawangsa 9, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur, di atas pejabat Ar-Rahnu YAPEIM dan sebaris dengan CIMB Bank. Pemilihan premis ini adalah di kawasan yang strategik dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta mempunyai pelbagai kemudahan di sekitarnya seperti restoran, bank, klinik, pejabat-pejabat swasta dan pejabat kerajaan. Lokasi ini juga terletak hanya 19.3km ke Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui Lebuhraya Duta – Ulu Kelang.

2.3.1 (c) Perkembangan ATCKL hingga kini

ATCKL merupakan sebuah syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan nombor pendaftaran (001994879-K) pada 11 November 2011. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh premis ini turut mendapat sokongan dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI). Sehingga kini, ATCKL telah pun mempunyai sebanyak 31 cawangan yang dikenali sebagai Al-Baghdadi Learning Centre (ALC) di sekitar Kuala Lumpur. ATCKL turut bekerjasama dengan sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta

(IPTA/S), jabatan-jabatan kerajaan dan swasta bagi program-program berasaskan al-Quran. Setakat ini iaitu semenjak dari penubuhannya, ATCKL ini telah mempunyai bilangan pelajar melebihi 800 orang.

Premis ini beroperasi pada hari Isnin hingga Khamis bermula 9.30 pagi sehingga 10.00 malam. Turut beroperasi adalah pada hari Sabtu jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Hari Jumaat dan Ahad adalah hari cuti bagi premis ini termasuk hari cuti umum. Laman sesawang ATCKL juga disediakan bagi kemudahan pengunjung mendapatkan berita-berita terkini di alamat <http://www.atckl.albaghdadi.org.my>. Di antara maklumat yang boleh diperolehi oleh mereka yang berkunjung ke laman sesawang ini adalah informasi mengenai ATCKL, produk-produk Al-Baghdadi, kursus Al-Baghdadi samada kursus yang dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd dan kursus-kursus yang dilaksanakan di bawah Al-Baghdadi Training Centre di seluruh Negara, berita ATC, testimoni, galeri foto dan galeri video. Turut dimuatkan juga senarai nama, nombor telefon dan lokasi pemilik setiap Al-Baghdadi Training Centre dan Al-Baghdadi Learning Centre di setiap negeri.

Tidak ketinggalan pengunjung juga boleh mendengar rakaman ulangan bual bicara teknik *Al-Baghdadi* bagi setiap episod di radio IKIM seperti yang telah dimuatkan di laman sesawang ini dan sebagainya. Sekiranya pengunjung ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai ATCKL serta ingin mengutarakan pelbagai persoalan, mereka bolehlah berbuat demikian dengan menghantar segala persoalan tersebut di alamat emel ATCKL iaitu atckualalumpur@gmail.com. Sehingga kini (29 November 2012), laman web ATCKL telah dikunjungi pelawat sebanyak 381917 kali dengan jumlah kunjungan melebihi dua ribu pengunjung setiap hari ke laman

sesawang ini. Makluman lanjut dan berita terkini ATCKL juga boleh dicapai melalui laman muka buku (*facebook*) di alamat akaun <http://www.facebook.com/albaghdadi.kualalumpur> .

Perkembangan terkini syarikat ini adalah mereka sudah pun membuat pengambilan seramai 56 orang pelajar kanak-kanak kelas Al-Baghdadi Asas siri 1 selama tiga minggu bersempena musim cuti sekolah yang sedang berlangsung bermula 19 November 2012 dan bakal berakhir pada 6 Disember 2012. Kelas pengajian Al-Baghdadi Asas siri 2 selama tiga minggu juga akan diadakan di premis ini bermula 10 Disember 2012 sehingga 27 Disember 2012. Manakala Kursus Tajwid Intensif pula bakal berlangsung pada hari Ahad 2 Disember 2012 yang mana kursus ini dibuka khususnya kepada guru-guru al-Quran dan orang awam umumnya yang ingin memantapkan pengetahuan mereka terhadap ilmu tajwid. Turut dilaksanakan di ATCKL adalah kuliah tafsir al-Quran juz' 'Amma bersiri yang baru bermula pada 3 November 2012 dan disampaikan oleh Dato' Ismail bin Kamus. Kuliah tafsir ini diadakan pada hari Sabtu minggu pertama dan ketiga serta telah pun mendapat sambutan baik dalam kalangan penduduk setempat. Segala informasi mengenai perkembangan aktiviti terkini dan sesudahnya di ATCKL adalah boleh dilayari di alamat laman sesawang dan laman muka buku seperti di atas.

2.3.1 (d) Pentadbiran ATCKL

ATCKL ditadbir di bawah pimpinan Ustaz Syahrul Nizam bin Talib atau lebih dikenali sebagai Ustaz Abdullah selaku Pengarah ATCKL/Kewangan. Beliau dibantu oleh En. Muhamad Khairul Arifin bin Ilias yang merupakan Timbalan Pengarah ATCKL merangkap Ketua Pemasaran. Manakala Ustazah Norhashimah binti Ahmad Sabri pula merupakan Pengurus selaku Ketua Perunding serta dibantu

oleh seramai 5 orang Perunding. Perunding-perunding tersebut adalah Ustaz Muhamad Azuan bin Khairudin, Ustazah Rohana binti Harun, Ustazah Farah binti Ilias, Ustazah Nursyahida binti Sahli dan Ustazah Raihan binti Nordin. Organisasi pentadbiran ATCKL dilengkapkan lagi oleh seramai 31 orang wakil Al-Baghdadi Learning Centre (ALC) yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur iaitu seperti di jadual berikut:

Jadual 2.5: Senarai Lokasi ALC Kuala Lumpur

Bil.	ALC	Bil.	ALC
1.	Bandar Tun Hussein Onn	10.	Rasta, TTDI
2.	Wangsa, Melawati	11.	Seksyen 5 Wangsa Maju
3.	Bandar Seri Damansara	12.	Kerinci, Pantai Dalam
4.	Tmn. Maluri, Ampang	13.	Medan Putra Business Centre, Kepong
5.	Medan Idaman, Gombak	14.	Manjalara, Kepong
6.	Tmn. Segambut SPPK	15.	Pandan Indah, Cheras
7.	Kg. Bandar Dalam, Sentul	16.	Tmn. Melati
8.	Tmn. Sejahtera Off Jln. Kucing	17.	Batu Muda
9.	Medan Niaga, Tasik Damai, Sg. Besi	18.	Bandar Baru Sentul
19.	Tmn. Koperasi Polis Fasa 1, Gombak	26.	Jln. Jujur, Bandar Tun Razak
20.	Dataran Dwi Tasik, Bandar Sri Permaisuri	27.	Tmn. Sri Rampai
21.	Danau Kota	28.	Kampung Baru
22.	Frim, Kepong	29.	Pekan Cheras Baru
23.	Seksyen 1 Wangsa Maju	30.	Alam Damai Cheras
24.	Sentul Raya	31.	Tmn. Sepakat, AU3 Keramat
25.	Dato' Keramat		

Sumber: *Laman Sesawang ATCKL*

Dengan lahirnya duta-duta dari ALC ini di sekitar Kuala Lumpur khususnya dan di lain-lain negeri umumnya, ianya akan memudahkan masyarakat awam mengikuti kelas pengajian al-Quran teknik *Al-Baghdadi* dengan mudah dan yang penting ianya menyeronokkan.

2.3.1 (e) Perkhidmatan yang disediakan di ATCKL¹⁸⁶

Fokus utama perniagaan syarikat ini adalah menyediakan perkhidmatan kelas pengajian al-Quran serta mengadakan kerjasama dengan jabatan kerajaan dan jabatan swasta bagi mengadakan kursus dan bengkel seperti berikut:

i. Taklimat Asas Teknik *Al-Baghdadi* (*percuma*)

Taklimat yang bertajuk “Kepentingan Mempelajari al-Quran Dan Pengenalan Teknik *Al-Baghdadi*” ini diadakan secara *percuma* di sekolah, IPTA/IPTS, kediaman, masjid, surau dan pejabat bagi memberi kefahaman tentang teknik *Al-Baghdadi* kepada masyarakat.

ii. Kursus Asas *Al-Baghdadi*

Kursus ini merupakan kursus yang mendedahkan pelajar tentang huruf-huruf *Hijaiyyah*, sebutan dan baris-baris. Matlamat kursus ini adalah agar pelajar dapat meningkatkan asas pembacaan dengan betul dan lancar.

iii. Bengkel Asas Tajwid *Al-Baghdadi*

Bengkel ini diadakan selama satu hari dan amat penting kepada mereka yang ingin mendalami sebutan (makhrāj) huruf dan hukum-hukum tajwid secara lebih mendalam.

¹⁸⁶ Profile Syarikat, (*Al-Baghdadi Training Centre Kuala Lumpur*, 2012), 4.

iv. Bengkel *Talaqqi* Surah-surah Lazim

Surah-surah lazim perlu diketahui bacaannya dan tajwid kerana ianya digunakan ketika di dalam solat. Bengkel ini menerapkan bacaan secara *tartil* oleh ustaz yang bersanad.

v. Bengkel Bacaan Wajib Dalam Solat (Rukun *Qauli*)

Di dalam solat terdapat 5 hukum *qauli* yang mesti dibaca dengan sebutan dan tajwid yang betul. Justeru, di dalam bengkel ini peserta akan didedahkan mengenai kepentingan bacaan di dalam solat dan peserta akan diajar satu demi satu bacaan tersebut. Kemudian bacaan peserta akan didengar oleh ustaz yang bersanad.

2.3.2 Visi dan Misi ATCKL¹⁸⁷

Berikut merupakan visi dan misi ATCKL iaitu:

2.3.2 (a) VISI ATCKL

Untuk menjadi syarikat terulung yang disegani sebagai Pusat yang menyediakan kursus berkaitan al-Quran di kediaman, masjid, surau, pejabat, sekolah, IPTA/IPTS, NGO bagi seluruh lapisan masyarakat.

2.3.2 (b) MISI ATCKL

Untuk mencapai visi di atas, pihak ATCKL komited melaksanakan misi seperti di bawah:

- Memberi kepuasan yang optimum kepada pelanggan kami melalui teknik pembelajaran yang berkesan, sistematik dan inovatif.

¹⁸⁷ *Ibid.*

- Sentiasa menawarkan perkhidmatan bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan.

2.3.3 Kemudahan Prasarana ATCKL

Terdapat beberapa prasarana yang disediakan di premis ini bagi kemudahan pelajar yang mendapatkan perkhidmatan di sini, antaranya adalah:

2.3.3 (a) Pejabat

Satu ruang pejabat yang selesa dan kemas digunakan sebagai ruang operasi. Di ruang ini juga, para ibu bapa dan peserta boleh berbincang untuk mendapatkan maklumat mengenai mana-mana perkhidmatan yang dikehendaki.

2.3.3 (b) Bilik Kuliah

Sebanyak 3 bilik kuliah yang boleh memuatkan seramai 25 orang pelajar dalam satu-satu masa disediakan di sini. Terdapat juga 1 bilik kuliah yang boleh memuat seramai 10 orang pelajar dan 1 lagi bilik kuliah yang boleh menempatkan seramai 70 orang pelajar/peserta dalam satu-satu masa. Kesemua bilik kuliah ini dilengkapi dengan penghawa dingin mampu memberi kesegaran dan keselesaan setiap peserta yang mendapatkan pengajian di sini.

2.3.3 (c) Bilik Sembahyang

Bilik-bilik kuliah di premis ini turut digunakan sebagai ruang dan tempat untuk menunaikan solat oleh semua peserta.

2.3.3 (d) Tandas

Kemudahan tandas juga disediakan di sini iaitu sebanyak 2 tandas peserta untuk lelaki dan dua tandas untuk peserta perempuan.

2.3.4 Pelaksanaan Pengajian Teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

Sebelum memulakan pengajian, seperti kebiasaan, satu taklimat percuma akan diadakan di ATCKL ini sebagai pengenalan dan makluman mengenai teknik *Al-Baghdadi* kepada ibubapa dan bakal peserta kelas pengajian asas *Al-Baghdadi*. Di dalam sesi taklimat tersebut, hadirin didedahkan dengan kepentingan mempelajari al-Quran dan seterusnya mereka akan diperkenalkan kepada teknik *Al-Baghdadi*.

Pelaksanaan pengajian teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL akan dimulakan dengan pengajian asas yang menggunakan buku Tamhid Al-Baghdadi beserta alat ketuk. Para peserta di peringkat ini terdiri dari golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa. Namun, pelaksanaan kelas pengajian asas Al-Baghdadi ini diasingkan mengikut golongan iaitu golongan kanak-kanak dengan kelas pengajian yang dinamakan Kelas Al-Baghdadi Asas. Manakala bagi golongan remaja dan dewasa, kelas pengajian mereka digabungkan dan dikenali dengan nama Kelab Al-Baghdadi Asas. Pengasingan ini adalah supaya memberi rasa yang selesa dan eksklusif terutama kepada kumpulan remaja dan dewasa.

Penggunaan perkataan ‘kelab’ bagi kelas-kelas pengajian remaja dan dewasa pula adalah sebagai menggunakan pendekatan psikologi bagi kedua-dua golongan ini. Sekiranya perkataan ‘kelas’ digunakan terhadap kelompok mereka, secara psikologinya akan mendatangkan perasaan malu dan rendah diri untuk mereka menghadiri kelas-kelas pengajian terutamanya apabila ditanya oleh mana-mana individu. Justeru, perkataan ‘kelab’ amat sesuai bagi mereka meskipun sukatan pengajian yang dipelajari adalah sama dengan kumpulan kanak-kanak.

Bagi kelas Al-Baghdadi Asas untuk kanak-kanak, mereka akan diuji bacaan mereka di peringkat awal bagi menentukan kedudukan kelas mereka. Sepanjang mengikuti pengajian Kelas dan Kelab Al-Baghdadi Asas, para peserta akan dibimbing oleh perunding-

perunding *Al-Baghdadi* yang bertauliah. Sukatan pengajian Kelas dan Kelab Asas Al-Baghdadi adalah sama kerana menggunakan buku rujukan yang sama serta mencakupi kepada mengenal huruf-huruf *Hijāiyyah*, tanda baris, *tanwīn*, *mad*, *sukūn* dan *sabdu*.

Selepas mereka menamatkan pengajian asas, mereka digalakkan menyambung pengajian ke peringkat seterusnya iaitu pengajian tajwid yang menggunakan buku Tajwid Al-Baghdadi. Ini adalah bagi memantapkan lagi bacaan al-Quran para peserta terutama dari segi sebutan *makhraj* huruf, hukum tajwid, huruf *muqatta'ah*, tanda bacaan dan *waqaf*.

Apabila para peserta telah dapat menguasai dengan mantap dan telah menamatkan pengajian buku Tajwid Al-Baghdadi, ATCKL menyediakan perkhidmatan pengajian *talaqqi* am, *talaqqi* khas, *talaqqi* am bersanad dan *talaqqi* khas bersanad. Bagi kelas *talaqqi* am, sukatan pengajian akan dimulakan dengan bacaan surah-surah lazim terlebih dahulu dan selepas itu mereka akan dibimbing membaca al-Quran sehingga khatam. Kaedah pengajian yang digunakan di dalam kelas ini adalah amalan bacaan secara *talaqqi* beserta tajwid dan dipandu oleh ustaz yang memiliki sanad sehingga kepada Rasulullah s.a.w. Menurut kebiasaannya, guru akan memulakan bacaan terlebih dahulu kemudian bacaan tersebut akan diikuti oleh peserta. Manakala untuk kelas *talaqqi* khas, peserta yang menyertai kelas ini adalah mereka yang sudah lancar bacaan al-Qurannya dan dipantau juga oleh guru yang bertauliah.

Kelas *talaqqi* am bersanad adalah kelas pengajian membaca al-Quran secara beramai-ramai. Tempoh pengajian kelas ini agak lama iaitu sekitar 18 bulan. Kelas *talaqqi* khas bersanad pula adalah kelas pengajian membaca al-Quran yang ditawarkan oleh Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd yang tempoh pengajiannya hanya selama 15 hari sahaja dan ianya dilaksanakan di Mesir. Bagi mereka yang berminat mengikuti program ini, mereka perlulah mengikuti kesemua pengajian teknik *Al-Baghdadi* secara bertahap terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, kelas *talaqqi* khas bersanad ini masih lagi di dalam perancangan. Berikut pula merupakan jadual kelas yang telah diatur oleh pihak ATCKL untuk dihadiri oleh para pesertanya mengikut tahap pengajian masing-masing iaitu:

Jadual 2.6: Jadual Pengajian Kelab/Kelas Al-Baghdadi di ATCKL

Nama Kelas	Hari	Masa	Pengajian
Kelab Al-Baghdadi (Dewasa)	Isnin	9.30am-11.30am dan 8.00pm-10.00pm	1 kali seminggu
	Selasa		
	Rabu		
Kelas Talaqqi (Kanak-kanak)	Isnin	9.30am-11.30am 3.00pm-4.30pm 8.00pm-10.00pm	3 kali seminggu
	Selasa		
	Rabu		
Kelab Talaqqi (Dewasa)	Khamis	8.30am-11.30am 2.30pm-5.00pm 8.00pm-10.30pm	1 kali seminggu
Kelas Al-Baghdadi (Kanak-kanak)	Sabtu	9.00am-11.00am dan 11.30pm-1.30pm	1 kali seminggu
Bengkel Tajwid Intensif	Ahad	9.00am-5.00pm	Sebulan sekali

Sumber: *Laman Sesawang ATCKL*

Secara keseluruhannya, pengajian teknik *Al-Baghdadi* yang disediakan di ATCKL adalah sama dengan mana-mana ATC dan ALC di seluruh Negara. Jika dilihat pelaksanaan pengajian teknik *Al-Baghdadi* terutamanya di ATCKL ini, ianya bukan sekadar membantu mereka yang tidak boleh membaca al-Quran, malahan membimbing mereka sehingga mampu membaca al-Quran dengan baik seterusnya mengaplikasi bacaan yang baik itu ke dalam setiap solat mereka.

2.3.5 Tempoh Pengajian di ATCKL

Terdapat beberapa perkhidmatan atau kursus yang ditawarkan di ATCKL dan tempoh pengajian di antara satu kursus dengan kursus yang lain adalah berlainan. Berikut merupakan tempoh pengajian setiap perkhidmatan atau kursus yang seperti di dalam jadual yang disediakan di bawah:

Jadual 2.7: Perkhidmatan Dan Tempoh Pengajian di ATCKL

Bil	Perkhidmatan/Kursus Yang Disediakan	Tempoh Pengajian
1.	Kursus Asas Al-Baghdadi (Kelab /Kelas)	3 bulan
2.	Kursus Tajwid Al-Baghdadi	3 bulan
3.	Kursus Intensif Tajwid	1hari
4.	Kursus Intensif al-Quran (Cuti sekolah)	3 minggu
5.	Bengkel Talaqqi Surah-surah Lazim	1 bulan
6.	Bengkel Bacaan Wajib Dalam Solat (Rukun <i>Qauli</i>)	1 bulan
7.	Kelas Talaqqi Am	6 bulan
8.	Kelas Talaqqi Khas	1 bulan
9.	Kelas Talaqqi Am Bersanad	18 bulan
10.	Kelas Talaqqi Khas Bersanad (bakal dilaksanakan di Mesir)	15 hari
11.	Kuliah Tafsir al-Quran Juzu' Amma Bersiri	Sabtu (minggu pertama dan ketiga)

Dari sudut pengambilan pelajar baru pula, ATCKL akan membuat pengambilan setiap 4 bulan sekali sepanjang tahun. Bagi mereka yang beminat menyertai mana-mana kelas pengajian yang ditawarkan di sini, mereka bolehlah membuat pendaftaran tertakluk kepada tarikh tawaran pengajian yang diiklankan.

2.3.6 Yuran Pengajian di ATCKL

Yuran pengajian setiap peringkat kelas pengajian teknik *Al-Baghdadi* yang disediakan di ATCKL ini adalah berbeza-beza mengikut tahap pengajian. Yuran-yuran ini merupakan jumlah yuran yang telah ditetapkan oleh pihak Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd. Jumlah ini juga adalah jumlah yuran yang diseragamkan di bawah semua ATC dan ALC di seluruh

Negara. Perbezaan yuran yang dikenakan adalah kerana tertakluk kepada tempoh pengajian setiap kursus yang ditawarkan. Maklumat mengenai yuran-yuran pengajian yang ditawarkan adalah seperti di dalam jadual 2.8 seperti berikut:

Jadual 2.8: Yuran Pengajian di ATCKL

Bil.	Perkhidmatan/Kursus Yang Disediakan	Yuran Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	Pendaftaran	RM 70	-----
2.	Kursus Asas Tamhid	RM 300	3 bulan
3.	Kursus Intensif Smart Quran (ISQ) Program Cuti sekolah	RM 300	3 minggu
4.	Kursus Asas Tajwid	RM 200	3 bulan
5.	Kursus Tajwid Intensif	RM 200	1 hari
6.	Kelas Talaqqi Am	RM 600	6 bulan
7.	Kelas Talaqqi Khas	RM1500	1 bulan
8.	Kelas Talaqqi Am Bersanad	RM 3000	18 bulan
9.	Kelas Talaqqi Khas Bersanad (bakal dilaksanakan di Mesir)	Belum ditentukan	15 hari
10.	Kuliah Tafsir al-Quran Juzu' Amma Bersiri	RM 100	Sabtu (minggu pertama dan ketiga)

Sumber: Kursus Perunding Al-Baghdadi

2.3.7 Pencapaian Pelajar di ATCKL

Mengenai pencapaian pelajar-pelajar khususnya kanak-kanak yang mengikuti pengajian asas buku Tamhid Al-Baghdadi di ATCKL ini, secara umumnya kanak-kanak ini sudah mampu mengenal huruf-huruf *Hijāiyyah*, membunyikannya, menyebut perkataan di dalam sukatan pengajian yang diiringi dengan intonasi ketukan yang seragam serta sudah boleh membaca al-Quran setelah mengikuti kursus asas *Al-Baghdadi* yang dijalankan selama 3 bulan.

2.4 Kesimpulan

Dari keseluruhan maklumat latarbelakang lokasi kajian yang telah penulis nyatakan di dalam bab ini, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua premis ini berusaha sebaik mungkin dalam memberikan yang terbaik buat pelanggan mereka khususnya dalam bidang pengajian pendidikan al-Quran.

Sebagai contoh bagi pelaksanaan modul al-Quran KSSR di SK Segambut, KL, sungguhpun guru-guru j-QAF yang terlibat hanya melaksanakan segala sukatan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan menggunakan buku *Iqra'*, namun, pelaksanaan modul tersebut adalah berjaya disempurnakan dengan baik. Kejayaan menyempurnakan modul al-Quran tersebut dapat dilihat berdasarkan kepada jadual pencapaian murid-murid yang telah penulis sertakan. Di samping dengan kemudahan-kemudahan prasarana yang lengkap dan mencukupi yang terdapat di SK Segambut, KL menjadikan sesi pembelajaran yang berlangsung sepanjang separuh hari memberikan keselesaan dan keseronokan kepada murid-murid.

Tidak ketinggalan, pelaksanaan teknik *Al-Baghdadi* yang disediakan di ATCKL kepada semua peringkat umur merupakan satu usaha murni yang seharusnya diberi pujian. Perjuangan memberikan perkhidmatan pendidikan al-Quran yang terbaik seperti yang dilakukan ini dilihat sebagai satu langkah dalam usaha mengangkat martabat dan kemuliaan al-Quran di mata masyarakat. Namun, pelaksanaan pengajian belajar al-Quran menggunakan teknik *Al-Baghdadi* menampakkan sedikit kelainan di antara mana-mana teknik belajar membaca al-Quran yang lain kerana teknik ini secara uniknya menggunakan 'alat ketuk'. Penggunaan alat ketuk yang diilhamkan oleh pengasas teknik ini sejujurnya mampu memberi keseronokan sepanjang sesi pembelajaran yang dijalankan terhadap semua pelajarnya di semua peringkat umur.